

D.R. 30/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (Pindaan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemotongan seksyen 19

2. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747] dipinda dengan memotong seksyen 19.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (“Akta 747”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memotong seksyen 19 Akta 747 mengenai sabitan seseorang tertuduh berdasarkan testimoni tanpa sokongan kanak-kanak dalam usia mentah. Pemotongan ini adalah berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676] untuk memasukkan ke dalam Akta itu peruntukan yang membenarkan Mahkamah mensabitkan seseorang tertuduh berdasarkan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak yang diberikan dengan sumpah atau selainnya. Dengan pindaan ini, pensabitan seseorang bagi mana-mana kesalahan keselamatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta 747 berasaskan keterangan tanpa sokongan saksi kanak-kanak hendaklah diuruskan di bawah Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3151]